From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 11 August, 2022 8:52:14 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM PEMBANGUNAN MINDA KEUSAHAWANAN KONTEMPORARI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 OGOS 2022 / 13 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh : Siti Nor Faizah Mohd Basir

PROGRAM PEMBANGUNAN MINDA KEUSAHAWANAN KONTEMPORARI



UUM ONLINE: Seramai 64 pelajar Kolej Agama Sultan Abdul Hamid (KASAH) menyertai program Pembangunan Minda Keusahawanan Kontemporari di Universiti Utara Malaysia (UUM) selama dua hari, baru-baru ini.

Program yang disertai oleh pelajar aliran keusahawanan KASAH itu turut melibatkan 5 guru pengiring kolej berkenaan dan 11 fasilitator di kalangan pelajar UUM yang turut sama membantu menjayakan program ini.

Pelbagai aktiviti dan slot menarik diadakan sepanjang program berlangsung seperti slot perkongsian pengalaman usahawan daripada alumni UUM, slot inovasi kreatif usahawan, slot usahawan dan media sosial, permainan sukan golf dan lawatan di sekitar UUM.

Sementara itu, Pengarah Pusat Alumni UUM, Prof. Madya Dr. Lily Julienti Abu Bakar berkata, program keusahawanan seumpama ini dapat memupuk minat pelajar untuk terus menceburi bidang keusahawanan kelak di samping melakukan inovasi baharu yang mampu bersaing dengan pasaran luar.

“Atas kesedaran ini, program ini diadakan bagi melahirkan pelajar yang kreatif dalam melakukan inovasi baharu seiring dengan perkembangan teknologi dan saya berharap agar pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang mereka perolehi ini sebaik mungkin,” katanya.

Tambahnya, Universiti sedia bekerjasama berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman dengan agensi luar demi pembangunan agama, bangsa dan negara.

Majlis penutupan program ini yang telah disempurnakan oleh Dr. Lily Julienti turut dihadiri Pengetua KASAH, Mohd Haris Faiza Abd Aziz Al-Hafiz, Timbalan Pengarah Pusat Alumni UUM, Halim Md Yatim, Pengetua Inasis Yayasan Al-Bukhari dan Bank Mualamalat UUM, Mohd Ilyas Soffian.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.